

Kerajaan komited perkasa sektor pertanian negara: Liew Vui Keong

NST 8.9.2018 7

SANDAKAN: Sektor pertanian merupakan salah satu sektor ekonomi primer negara dan memainkan peranan yang penting dalam pembekalan makanan kepada penduduk.

Sehubungan dengan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang) Datuk Liew Vui Keong menyatakan bahawa pihak kerajaan amat komited untuk memperkisasikan sektor pertanian di negara ini bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan dari luar.

Beliau juga turut berkongsi pengalaman apabila berpeluang turut menyertai Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan rasmi beliau ke China baru-baru ini.

Menurutnya, pada lawatan tersebut salah satu daripada tempat yang mereka lawati adalah Taman Sains Pertanian Kebangsaan dan Teknologi Inovasi dan Pusat Akademi Pertanian China (CAAS).

"Semasa lawatan, Perdana Menteri telah menyatakan hasrat beliau untuk bekerjasama dengan pihak China dalam sektor pertanian

terutamanya dari segi inovasi dan kecanggihan teknologi pertanian mereka.

"Usaha ini ternyata akan meningkatkan lagi input hasil pertanian yang biasanya digunakan dalam penghasilan bahan makanan untuk tujuan eksport selain dapat mengatasi masalah pengangguran di negara kita khususnya dalam kalangan graduan," jelasnya.

Liew menyatakan demikian ketika merasmikan Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Pelajar Baharu Bagi Program Minggu Suai Mesra Sesi 2018 / 2019 di Dewan Serbaguna, Fakulti Pertanian Lestari (FPL) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Sandakan, dekat sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Setiausaha Sulit kepada beliau iaitu Mohd Hanafiah Sahib Haji Montoi.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Batu Sapi itu sekali lagi menyatakan bahawa pihak kerajaan komited untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan bergaji tinggi untuk rakyat tempatan dan perkara ini memang jelas dinyatakan dalam manifesto Pakatan Harapan.

Tambahan pula, ujarnya golongan belia memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara dan merupakan bakal pemimpin di masa hadapan.

"Saya berharap golongan belia khususnya para siswa-siswi yang berada dalam dewan ini akan mengambil inisiatif untuk melengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan serta kemahiran sepanjang pengajian di universiti ini."

"Saya yakin segala inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak universiti akan memberi kesan yang positif terhadap perkembangan pendidikan di Sabah."

"Bagi para siswa dan siswi pula, saya berharap anda akan menjadikan dewan ini sebagai saksi ikrar ketataan untuk mematuhi segala peraturan universiti seraya mengharumkan nama negara di persada dunia."

"Saya difahamkan bahawa seramai 4,220 pelajar ditawarkan melanjutkan pengajian ke UMS bagi kemasukan Siswa Siswi Baharu Sesi 2018 / 2019 dan seramai 143 daripada jumlah

tersebut merupakan pelajar FPL," kata beliau.

Terdahulu, Dekan FPL Prof. Madya Dr. Saafie Salleh yang membacakan teks ucapan Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata UMS telah menetapkan lima nilai yang menjadi tunjang Transformasi ke Arah Universiti Industri 4.0 iaitu Dinamik, Kelestarian, Integriti, Keadilan dan Darij Kelegembiraan.

Katanya, teknologi digital atau teknologi ICT akan menyebabkan banyak perkara / aktiviti /proses dilakukan secara pintar (smart way).

"Justeru warga UMS hendaklah menghayati dan mengamalkan 5 nilai ini dalam proses pengajaran, pembelajaran dan pengurusan.

"Kesemua nilai ini perlu disuburkan dalam diri seluruh warga UMS dan dijadikan kayu ukur untuk anda memuhasabah diri dan mencari jalan untuk memperbaiki diri supaya menjadi insan yang lebih baik pada hari ini, hari esok dan hari-hari mendatang," katanya. -OLEH ROZ-ZALIN HASHIM



PENGHARGAAN ... Hanafiah (tiga dari kanan) menerima cenderamata kenangan disampaikan Dr. Saafie pada majlis tersebut.



IKRAR ... Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji dari pelajar-pelajar baharu pada program minggu suai mesra itu.